

Kenyataan Media Berkaitan Penguatkuasaan Dilipatganda Bagi Menyelamatkan Harimau Malaya

By : Media Statement

Date : 10/01/2022

KENYATAAN MEDIA YAB PERDANA MENTERI

PENGUATKUASAAN DILIPATGANDA BAGI MENYELAMATKAN HARIMAU MALAYA

Mesyuarat Pertama Pasukan Petugas Kebangsaan Bagi Konservasi Harimau Malaya atau National Tiger Conservation Task Force (MyTTF) telah diadakan hari ini dan dipengerusikan oleh saya bagi membincangkan tentang tindakan-tindakan strategik bagi konservasi Harimau Malaya.

Mesyuarat dihadiri YAB Menteri Besar Negeri Sembilan, Pahang, Selangor serta YB Ahli-Ahli Majlis Kerajaan Negeri mewakili Menteri Besar Kelantan, Terengganu, Johor, Kedah dan Perak. Di peringkat Persekutuan, ia dihadiri oleh YB Menteri Tenaga dan Sumber Asli dan YB Menteri Kewangan serta wakil daripada kementerian, jabatan dan agensi yang berkaitan.

Dalam mesyuarat ini, MyTTF bersetuju dengan **Tindakan-Tindakan Strategik Bagi Konservasi Harimau Malaya** bagi tempoh 10 tahun (2021 hingga 2030) melalui enam pendekatan berikut:

(i) **Rondaan penguatkuasaan dan pengawalan (boots on the ground) melibatkan** Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) serta komuniti Orang Asli.

(ii) **Pengekalan dan pengukuhan habitat** melalui pengurusan guna tanah yang mampan dan menghentikan sebarang kegiatan pencerobohan serta aktiviti pemburuan haram.

(iii) **Meningkatkan kawasan berhutan sedia ada di Semenanjung Malaysia daripada 43.41 peratus kepada 50 peratus menjelang tahun 2040** selaras dengan Rancangan Fizikal Negara Keempat.

(iv) **Memperkasa urus tadbir berkesan melalui penubuhan Unit Konservasi Harimau Malaya** di bawah PERHILITAN, Biro Jenayah Hidupan Liar di bawah PDRM, dan pengukuhan Makmal Forensik Hidupan Liar Kebangsaan sebagai centre of excellence bagi konservasi ex-situ Harimau Malaya.

(v) Memperkasakan instrumen kewangan inovatif sebagai tambahan kepada insentif kewangan Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity

Conservation yang sedia ada dan pelaksanaan skim akreditasi habitat Harimau Malaya.

(vi) Kempen Selamatkan Harimau Malaya bagi meningkatkan kesedaran dan penglibatan rakan strategik.

Penubuhan MyTTF merupakan kesepakatan dan komitmen tinggi Kerajaan Persekutuan dan negeri dalam menangani krisis populasi Harimau Malaya. Ia menjadi platform rundingan bagi dasar, perundangan dan strategi negara untuk konservasi Harimau Malaya dan habitatnya.

Kerajaan serius menangani isu populasi Harimau Malaya atau nama saintifiknya *Panthera tigris jacksoni* di hutan negara yang kini direkodkan kurang daripada 150 ekor. Antara lain, ia disebabkan kehilangan habitat dan sumber makanan akibat perubahan guna tanah, pemburuan serta perdagangan haram selain penularan virus canine distemper.

Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716] telah dipinda dan diluluskan oleh Parlimen pada 21 Disember 2021 untuk meningkatkan

keberkesanan perundangan konservasi hidupan liar termasuk Harimau Malaya.

Melalui pindaan tersebut, denda maksimum telah ditingkatkan daripada RM500,000 kepada RM1 juta dan hukuman penjara maksimum daripada 10 tahun kepada 15 tahun supaya dapat mencegah dan memberikan pengajaran sewajarnya kepada pelaku jenayah hidupan liar.

Selain itu, terdapat peruntukan baharu bagi membolehkan tindakan diambil terhadap individu yang mengiklankan penjualan hidupan liar dalam talian (online).

Jika tindakan segera tidak dilakukan, Malaysia berhadapan dengan risiko kepupusan Harimau Malaya yang menjadi simbol Jata Negara, lambang negeri-negeri serta pelbagai kementerian, jabatan dan agensi. Lebih membimbangkan, spesies ikonik negara akan hilang buat selama-lamanya.

#KeluargaMalaysia

#BekerjaBersamaRakyat

DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB
PERDANA MENTERI
10 JANUARI 2022

Copyright of the Prime Minister's Office Official Website

Source: <https://www.pmo.gov.my/2022/01/penguatkuasaan-dilipatganda-bagi-menyelamatkan-harimau-malaya/>